




LENSA MUALLIM

BIL. 1 / 2021

BULETIN RASMI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM



**PEMUKIMAN
MENTERI BESAR
PERAK** MS.8

IMBAS UNTUK
DAPATKAN
BULETIN DIGITAL





Perutusan Yana Dipertua

Bismillahhirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana Lensa Muallim edisi 1/2021 telah berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan saya ingin sampaikan kepada semua Ahli Sidang Redaksi Lensa Muallim dan semua jabatan yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan penerbitan Lensa Muallim ini.

Amanat Tahun Baru YAB Menteri Besar Perak telah menggariskan 3 pendekatan yang boleh diterapkan dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan iaitu pasang telinga buka mata, turun padang atur langkah penyelesaian dan bersama berganding bahu akan dijadikan panduan MDTM dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat khususnya di Daerah Muallim ini.

Pandemik Covid-19 masih belum berakhir, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih lagi dikuatkuasakan bagi melandaikan lengkok penularan jangkitan Covid-19 di negara ini. Dalam usaha membantu kerajaan dalam menangani pandemik ini MDTM telah melaksanakan pelbagai langkah kawalan dan pemantauan dari semasa ke semasa di sekitar daerah Muallim. MDTM juga sentiasa memastikan tugas-tugasan kakitangan sentiasa berjalan lancar walaupun arahan Bekerja Dari Rumah (BDR) dilaksanakan.

Akhir kata, saya bagi pihak pengurusan ingin merakamkan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan MDTM yang terlibat secara lansung atau tidak lansung sepanjang tempoh pandemik Covid-19 dan mendoakan agar semua warga kerja dan semua rakyat di Daerah Muallim sentiasa dilindungi dari pandemik Covid-19.

Tuan Faizal Nizam bin Md. Nor
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tanjung Malim

ISI KANDUNGAN

1. BANTUAN PEMBERSIHAN & MAKANAN.
2. PERHIMPUNAN BULANAN MDTM BIL 1/2021. KERJA-KERJA PEMBASMIAN KUMAN & SANITASI DI PEJABAT MDTM.
3. KEMPEN PERAK GREENPRINT 'PERAK MY GREEN HOME' PERINGKAT DAERAH MUALLIM.
4. LAWATAN TURUN PADANG YANG DIPERTUA BERSAMA AREA OFFICER KE MEDAN SELERA NON HALAL TANJONG MALIM. PROGRAM BANTUAN BARANGAN HARIAN KEPADA KAKITANGAN YANG TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19.
5. LAWATAN TURUN PADANG BERSAMA AREA OFFICER ZON B6 KE KAMPUNG PERHENTIAN, TAMAN SEROJA, RUMAH AWAM 3 DAN KAMPUNG KUALA SLIM, SLIM RIVER. LAWATAN MESRA YB SENATOR DATO' DR. MAH HANG SOON TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN II.
6. SESI TOWNHALL MDTM BERSAMA MCA TANJONG MALIM DAN PENGERUSI JPKK KAMPUNG BARU CINA DAERAH MUALLIM. KURSUS PENGURUSAN STRESS.
7. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MDTM TAHUN 2020.
8. PEMUKIMAN MENTERI BESAR PERAK.
11. MAJLIS PERASMIAHAN PROGRAM SEMARAK PELANCONGAN DAN KELESTARIAN EKOPELANCONGAN SEMPENA LAWATAN MENTERI BESAR BERSAMA RAKYAT (MESRA) KE DAERAH MUALLIM OLEH YB NOLEE ASHILIN BINTI MOHAMMED RADZI, PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN PELANCONGAN NEGERI PERAK. PELANCARAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PENYERAHAN TONG SAMPAH BAGI LUAR KWASAN OPERASI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.
12. HARI PERSARAAN KETUA PEMBANTU TADBIR ENCIK MOHD THARMIZI. LATIHAN FIRE DRILL BLOK B.
13. KURSUS PENGGUNAAN SISTEM e-HADIR KEPADA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM. BICARA REKREASI : FIT RAMADAN
14. PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK) BAGI PENERIMAAN SUNTIKAN DOS KEDUA VAKSIN COVID COMIRNATY. MAJLIS IFTAR RAMADHAN DAN SOLAT TARAWIH MDTM DI PONDOK MUALLIM.
16. AUDIT ISO.
17. PROGRAM SUMBANGAN BUBUR LAMBUK MDTM TAHUN 2021.
17. PROGRAM KASIH RAMADHAN MDTM.
- PROGRAM BERBUKA PUASA DAN PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 2 TAHUN 2021 MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tuan Faizal Nizam bin Md. Nor
Yang Dipertua

PENASIHAT

Encik Roslan bin Kamaruzaman
Setiausaha

KETUA EDITOR

Encik Shahzan Hafiz bin Zainal Abidin
Encik Muham Saifulbahari bin Hassan

EDITOR

Puan Nur Amirah Syazwani binti Samsudin

PENOLONG EDITOR

Encik Muhammad Fitri Bin Abd Barri
Encik Mohammad Zaki Bin Abdul Naim

PEREKA GRAFIK

Encik Parthivan a/l Veeranan

JURUGAMBAR

Encik Mohamad Syukuri bin Hamid
Encik Muhammad Fitri Bin Abd Barri

DIREKTORI PENGURUSAN MDTM

- TUAN FAIZAL NIZAM BIN MD NOR, YANG DIPERTUA-05-4563400
ENCIK ROSLAN BIN KAMARUZAMAN, SETIAUSAHA - 05-4563401
ENCIK HAJI IR ABD RAHMAN BIN GHAZALI (JABATAN KEJURUTERAAN)-05-4563433
ENCIK SAIFUL NIZAM BIN YAMEGUN (JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN)-05-4563412
CIK NOOR ZATUL 'IFFAH BINTI IBRAHIM (JABATAN PERBENDAHARAAN)-05-4563422
PUAN NOR SHAHLIA BINTI MOHYIDIN (UNIT PUSAT SEHENI)-05-4563416
PUAN HAJAH SITI AIDA BINTI RASIDI (JABATAN PERKHIDMATAN PERBENDARAN DAN KESIHATAN)-05-4563445
PUAN NADIAH BINTI KAMARUDIN (UNIT UNDANG-UNDANG)-05-4563443
PUAN ROHANA BINTI MAT NAYAN (JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA)-054563427
ENCIK AHMAD ZAMIL BIN SABRI (JABATAN PENGUATUSAHAAN)-05-4563439
ENCIK SHAHZAN HAFIZ BIN ZAINAL ABIDIN (JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, PELANCONGAN & REKREASI)-05-4563437
ENCIK MUHAMMAD SAIFULBAHARI BIN HASAN (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)-05-4563453
PUAN NORHIDAYAH BINTI JAMALUDIN (UNIT AUDIT DALAM)-05-4563455



BANTUAN PEMBERSIHAN & MAKANAN

4 Januari 2021, Isnin – Tuan Faizal Nizam bin Md. Nor, Yang Dipertua MDTM telah menyampaikan Bantuan Pembersihan dan Makanan di kawasan Kg.Lintah Piong, Trolak Pekan, Taman Slim Permai, Slim River & Kg.Baru, Behrang Stesen serta Kg.Baru, Behrang Ulu. Turut hadir Ahli Majlis dan kakitangan MDTM. Pemberian bantuan ini adalah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat khususnya untuk masyarakat di daerah Muallim. Semoga segala urusan mangsa yang terlibat dipermudahkan dan tabah menghadapi dugaan ini.





PERHIMPUNAN BULANAN MDTM BIL.1/2021



12 Januari 2021, Selasa - Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM telah merasmikan Perhimpunan Bulanan MDTM Bil 1/2021 di Auditorium MDTM. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua kakitangan MDTM dalam pencapaian 2020 yang lalu. Beliau berharap agar semua kakitangan terus komited dalam merealisasikan perancangan yang telah dirangka bagi tahun 2021 sejajar dengan slogan perhimpunan bulanan ini iaitu "Memperkasakan Perkhidmatan Cemerlang MDTM" walaupun negara sedang mengalami bencana banjir dan pandemik Covid-19 ini. Beliau juga turut diberi kepercayaan dalam memilih pemenang Cabutan Bertuah Pembayar Cukai Taksiran 2020 kategori kakitangan. Perhimpunan Bulanan diakhiri dengan sambutan hari lahir bagi kakitangan yang lahir pada bulan Januari dan Februari.



KERJA-KERJA PEMBASMIAN KUMAN & SANITASI DI PEJABAT MDTM



15 Januari 2021, Jumaat - Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan MDTM telah menjalankan kerja-kerja pembasmian kuman dan sanitasi di Blok A dan Blok B Pejabat MDTM. Kerja-kerja ini merupakan salah satu langkah kawalan dan pencegahan jangkitan penularan Covid-19 di tempat kerja.

19 Februari 2021, Jumaat - Mohd Zaidi bin Aziz, YB ADUN Slim telah merasmikan Kempen Perak Greenprint 'Perak MyGreen Home' Peringkat Daerah Muallim bertempat di Pekan Slim River. Turut hadir ialah Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM dan Tuan Haji Fuad bin Haji Abdul Halim, Ketua Whip Majlis. Acara Serahan Serta Menanam Anak Benih Pokok Perak Greenprint telah dilakukan sebagai simbolik pelancaran Kempen Perak Greenprint 'Perak My Green Home' Peringkat Daerah Muallim. Simbolik pelancaran ini dilaksanakan adalah susulan dari titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan semasa Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Perak pada 3 Mac 2020. Baginda bertitah sebanyak 100 ribu pokok perlu ditanam di semua daerah / PBT Negeri Perak dan merimbunkan kehijauan di seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan.



KEMENYAYAAN PERAK GREENPRINT 'PERAK MY GREEN HOME' PERINGKAT DAERAH MUALLIM

Pihak MDTM telah mula menanam sebanyak 8,000 pokok di seluruh Daerah Muallim terutamanya kawasan di bawah pentadbiran khususnya seperti di Bandar Proton, Tanjung Malim, Slim River dan Trolak Pekan. Sumbangan benih-benih pokok Jacaranda filifolia @ Jambul Merak, Mimops Elenji @ Bunga Tanjong dan Hopea Odorata @ Merawan Siput juga sedang dilaksanakan kepada sekolah-sekolah, klinik kesihatan, masjid, surau, rumah ibadat dan agensi kerajaan yang lain. Antara objektif utama program ini adalah membantu Kerajaan Negeri untuk merealisasikan Perak Greenprint, menyokong Kerajaan Negeri menyambut seruan Sustainable Development Goals (SDGS) Goal 13-Climate Action, memupuk kesedaran rakyat Negeri Perak khususnya masyarakat dan agensi di dalam daerah Muallim mengenai kesan perubahan iklim dan menggalakkan semua agensi dan rakyat Negeri Perak dalam daerah Muallim menanam pokok sebagai tindakan bersama mengatasi isu perubahan iklim. Diharap program Perak Greenprint 'Perak My Green Home' ini dapat memberikan kesedaran kepada komuniti setempat dalam aspek memelihara alam sekitar serta menyokong kepada pembangunan lestari dan mampan. Penglibatan semua pihak di harapkan bagi memastikan kelancaran sepanjang program penanaman ini dilaksanakan.



LAWATAN TURUN PADANG YANG DIPERTUA BERSAMA AREA OFFICER KE MEDAN SELERA NON HALAL TANJONG MALIM

26 Februari 2021, Jumaat – Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM telah mengadakan lawatan turun padang ke Medan Selera Non Halal Tanjung Malim. Turut hadir Clr. Kong Siew Weng, Ahli Majlis (Area Officer), Clr. Puan Lie Ying Har, Ahli Majlis dan Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha Majlis serta Ketua Jabatan MDTM yang terlibat. Kawasan yang dilawati adalah Pasar Awam Tanjung Malim dan Medan Selera Non Halal. Antara masalah yang dikenalpasti adalah saluran longkang pecah yang menyebabkan air mengalir tidak dapat disalurkan dengan sempurna serta longkang dalam keadaan terbuka yang menyebabkan risiko kecederaan kepada orang awam. Antara masalah lain ialah kerosakan tangki air utama, keadaan lantai yang pecah menyebabkan air bertakung dan keadaan siling yang berlubang di kawasan peniaga. Tindakan segera akan diambil bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. MDTM sentiasa prihatin dan mengambil berat dalam mendengar pemasalahan masyarakat dan akan mencari jalan bagi menyelesaikan masalah tersebut untuk kebaikan bersama. Semasa lawatan ini juga, Tuan Faizal Nizam bin Md Nor turut merasmikan Program Pemasangan Papan Iklan Medan Selera Muallim, Tanjung Malim. Program ini bertujuan menjenamakan semula medan selera ini bagi menarik minat penduduk berkunjung ke Medan Selera Muallim.



PROGRAM BANTUAN BARANGAN HARIAN KEPADA KAKITANGAN YANG TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

26 Februari 2021, Jumaat – Majlis Daerah Tanjung Malim mengambil inisiatif bagi mengadakan Program Bantuan Kelengkapan Barang Hariannya kepada kakitangan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Bantuan ini disampaikan oleh Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua, Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha Majlis serta Clr. Tuan Haji Fuad bin Haji Abdul Halim, Ketua Whip MDTM bertempat di kediaman kakitangan. Program ini bagi membantu meringankan beban kakitangan dalam menampung pendapatan keluarga untuk meneruskan kelangsungan hidup akibat terkesan dengan pandemik Covid-19. Seramai sebelas orang kakitangan MDTM terpilih untuk menerima sumbangan kelengkapan barang harian tersebut. Sumbangan ikhlas ini diharapkan dapat memberikan semangat motivasi kepada kakitangan MDTM agar terus tekun bekerja demi kelangsungan hidup serta mengurangkan beban kakitangan sekeluarga.



LAWATAN TURUN PADANG BERSAMA AREA OFFICER ZON B6 KE KAMPUNG PERHENTIAN, TAMAN SEROJA, RUMAH AWAM 3 DAN KAMPUNG KUALA SLIM, SLIM RIVER

1 Mac 2021, Isnin - Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM telah melakukan Lawatan Turun Padang bersama Area Officer Zon B6 bertempat di Kampung Perhentian, Taman Seroja, Rumah Awam 3 dan Kampung Kuala Slim, Slim River. Turut hadir, Clr Encik Gunasekaran a/l Sundaram, Area Officer Zon B6, Ahli majlis, Clr. Cures Rau a/l Ramnайдு dan Ketua Jabatan MDTM yang terlibat. Antara isu yang dibangkitkan ialah aduan mengenai pokok yang menghalang laluan penjalan kaki dan bahu jalan, pembersihan dan pembinaan longkang yang rosak bagi mengelakkan saliran air tersumbat, serta penambahan dan pemberian peralatan taman permainan kanak-kanak di Kampung Perhentian. Pihak MDTM memandang serius masalah yang dihadapi oleh orang awam di sekitar kawasan tersebut. Tindakan penyelesaian akan dilaksanakan segera, namun terdapat beberapa tindakan yang memerlukan masa penambahbaikan dalam menyelesaikan masalah ini.



LAWATAN MESRA YB SENATOR DATO' DR. MAH HANG SOON TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN II

2 Mac 2021, Selasa - YB Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon Timbalan Menteri Pendidikan II mengadakan Lawatan Mesra ke Majlis Daerah Tanjung Malim. Lawatan ini disambut oleh Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM, Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM serta Tuan Haji Fuad bin Haji Abdul Halim, Ketua Whip MDTM dan Ketua Jabatan MDTM yang terlibat. YB Senator Dato' Dr Mah Hang Soon sempat singgah berkunjung ke MDTM untuk beramah mesra bersama warga MDTM selepas lawatan beliau di Pejabat Pendidikan Daerah Muallim sebelum itu.



SESI TOWNHALL MDTM BERSAMA MCA TANJONG MALIM DAN PENGERUSI JPKK KAMPUNG BARU CINA DAERAH MUALLIM

11 Mac 2021, Khamis -

Majlis Daerah Tanjung Malim telah mengadakan sesi Townhall bersama MCA Tanjong Malim dan Pengerusi JPKK Kampung Baru Cina Daerah Muallim bertempat di Auditorium Seri Tanjung, MDTM. Turut dihadiri oleh Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM, Tuan Goh Choong Seng, Ketua Bahagian MCA Tanjong Malim, Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM, Ahli-ahli Majlis MDTM dan Ketua Jabatan MDTM. Sesi Townhall ini bertujuan mengeratkan hubungan antara pihak MDTM dan Pengerusi JPKK Kampung Baru Cina di Daerah Muallim. Kerjasama antara pihak MDTM dan Pengerusi JPKK ini bagi menyalurkan maklumat dan membantu menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat yang menetap di Kampung Baru Cina Daerah Muallim ini. Diharap agar kerjasama ini dapat membantu Daerah Muallim lebih maju untuk kebaikan masyarakat setempat.



KURSUS PENGURUSAN STRESS

30 Mac 2021, Selasa - Bahagian Pentadbiran dan Perkhidmatan telah mengadakan Kursus Pengurusan Stress bagi kakitangan MDTM bertempat di Auditorium Seri Tanjung, MDTM. Seramai 55 peserta telah dijemput untuk menghadiri kursus ini. Penceramah jemputan adalah Prof. Dr. Shishi Kumar, Pengarah Open Universiti Malaysia Group Centre (OUMGC) daripada Open University Malaysia (OUM). Kursus ini diadakan bagi memberi pengetahuan kepada kakitangan tatacara mengatasi stress dengan betul.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) MDTM TAHUN 2020



24 Mac 2021, Rabu - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MDTM Tahun 2020 telah diadakan di Dewan Seri Tanjung, MDTM. Majlis ini telah dihadiri oleh Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM, Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM, Ketua Jabatan MDTM serta kakitangan MDTM. Sebagai makluman, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan satu pengiktirafan kepada pegawai atau kakitangan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang pada sepanjang tahun dinilai. Dengan pelaksanaan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini, ia dapat menghargai sumbangan cemerlang yang diberikan oleh pegawai/kakitangan, menjadi contoh kepada pegawai/kakitangan lain dan menanam budaya kerja cemerlang. Seramai 18 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MDTM manakala 18 orang penerima Anugerah Khas Keterampilan MDTM dan 1 orang Anugerah Khas Yang Dipertua MDTM bagi tahun 2020. Tahniah diucapkan kepada kakitangan yang diraikan dan semoga perkhidmatan yang cemerlang ini menjadi teras semangat kepada kakitangan MDTM supaya diteruskan pada masa akan datang.



PEMUKIMAN MENTERI BESAR PERAK

• PROGRAM MINUM PETANG YAB MENTERI BESAR PERAK BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI

7 April 2021, Rabu - Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) berserta Program Minum Petang bersama Masyarakat Orang Asli di Dewan Ulu Slim, Slim River. Turut hadir dalam program ini, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim serta Yang Dipertua MDTM, Tuan Faizal Nizam bin Md Nor. Menerusi program ini, YAB Dato' Saarani bin Mohammad dalam ucapan menyeru agar masyarakat Orang Asli melaksanakan tanggungjawab bagi mendaftarkan diri untuk program penerimaan vaskin. Beliau juga menasihatkan seluruh masyarakat agar tidak mempercayai berita palsu yang berkaitan dengan program penerimaan vaksin ini.

• PROGRAM MENTERI BESAR BERSAMA RAKYAT (MESRA) DAERAH MUALLIM

7 April 2021, Rabu - Majlis Daerah Tanjung Malim telah membuka reruai (booth) pameran di Program Menteri Besar bersama Rakyat (MESRA) Daerah Muallim bertempat di Dataran Amanjaya, Slim Village. Reruai (Booth) pameran ini mempamerkan produk pelancongan, pencapaian dan kaunter aduan awam. MDTM juga menganjurkan kuiz untuk dijawab oleh pelawat dan telah menyediakan hadiah yang menarik untuk pemenang kuiz. Dalam program ini juga, pemimpin-pemimpin Kerajaan dapat menjalankan sesi dialog terus bersama dengan rakyat bagi mendengar luahan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan tersebut.

• MAKAN TENGAH HARI BERSAMA PENJAWAT AWAM DAERAH MUALLIM

7 April 2021, Rabu - Program Makan Tengah Hari Bersama Penjawat Awam Daerah Muallim adalah bersempena Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) Daerah Muallim bertempat di Dewan Seri Tanjong, MDTM. Dalam majlis ini juga, YAB Dato' Saarani bin Mohamad berkesempatan untuk melawat Pejabat Majlis Daerah Tanjung Malim serta bergambar bersama Ketua Jabatan MDTM. Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, YB Dato' Nolee Ashilin binti Mohammed Radzi, ADUN Slim, YB Mohd Zaidi bin Aziz dan Pengawai Daerah, Encik Shamsul bin Idris.

• MOH MENGUPI BERSAMA MENTERI BESAR PERAK

7 April 2021, Rabu - Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) Daerah Muallim bermula dengan Program Moh Mengopi bersama Menteri Besar di Pak Ya Bistro, Slim River. Turut Hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Pegawai Daerah Muallim, Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris, Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjung Malim, Tuan Faizal Nizam bi Md Nor serta Ketua Jabatan MDTM yang terlibat. Program ini dapat menjalinkan hubungan akrab rakyat bersama Kerajaan Negeri.

• LAWATAN KE KILANG PROTON TANJONG MALIM

8 April 2021, Khamis - Lawatan ke Kilang Proton Tanjung Malim sempena Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) Daerah Muallim. YAB Dato' Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak sempat melawat sekitar Kilang Proton bagi melihat sendiri proses pembuatan kereta jenama negara serta melancarkan Program E-Waste. YAB Menteri Besar juga sempat beramah mesra dan minum petang bersama kakitangan Proton.



• MAJLIS EXECUTIVE TALK YAB MENTERI BESAR BERSAMA WARGA PENDIDIK DAERAH MUALLIM

8 April 2021, Khamis - Majlis Executive Talk YAB Menteri Besar Perak bersama warga pendidikan Daerah Muallim turut diadakan sempena Program Menteri Besar Bersama Rakyat (MESRA) Daerah Muallim yang bertempat di Dewan Tuanku Canselor, UPSI. Turut hadir, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Encik Ahmad Saidi bin Mohd Daud, Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, Dr Mohd Suhaimi bin Mohamed Ali, Pengarah Pendidikan Negeri, serta Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM. Dalam majlis ini turut diadakan Bacaan Ikrar Penjawat Awam dan Pelancaran Permuafakatan Pendidik.

• PELANCARAN KIOSK USAHAWAN WANITA (BizNita)

8 April 2021, Khamis - Pelancaran Kiosk Usahawan Wanita (BizNita) bertempat di Dewan Behrang Stesen. Majlis dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohammad. Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Exco Negeri Perak, YB Datuk Dr Wan Norashikin bin Wan Nordin, ADUN Slim, YB Mohd Zaidi bin Aziz, Pegawai Daerah Muallim, Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris dan Yang Dipertua MDTM, Tuan Faizal Nizam bin Md Nor.

• WALKABOUT BERSAMA MASYARAKAT KAUM INDIA DAN CINA

8 April 2021, Khamis - Walkabout YAB Menteri Besar Perak, Dato' Saarani bin Mohammad bersama masyarakat India dan Cina bertempat di Pasar Behrang Stesen. Dalam program ramah mesra ini, YAB Menteri Besar dapat mengenali masyarakat India dan Cina di Daerah Muallim ini. Beliau juga sempat membuat lawatan ke Pasar Behrang Stesen dan mendengar taklimat ringkas berkaitan tebatan banjir di Behrang Stesen.

• LAWATAN TEBATAN BANJIR DI TROLAK PEKAN

8 April 2021, Khamis - YAB Menteri Besar Perak telah hadir meninjau lokasi tebatan banjir di Trolak Pekan. Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Suaidi bin Abdul Rahim, Pegawai Daerah Muallim, Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris, Yang Dipertua MDTM, Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Clr Tuan Hani Ibrahim bin Ahmad, Ahli Majlis serta Ketua Jabatan MDTM yang terlibat. Dalam lawatan tersebut, Jurutera, Jabatan Pengairan dan Saliran memberi menerangan ringkas berkaitan tebatan banjir di Trolak Pekan.

• LAWATAN MENTERI BESAR KE SK PROTON CITY

9 April 2021, Jumaat - Lawatan Menteri Besar ke SK Proton City bagi meninjau lokasi cadangan pelebaran jalan di SK Proton City. Turut Hadir, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Pegawai Daerah Muallim, Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris, Yang Dipertua MDTM, Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Ahli Majlis kawasan Bandar Proton, Clr Encik Abdul Razak bin Mat Taib serta Jurutera MDTM, Ir Haji Abd Rahman bin Ghazali. Dalam lawatan ini juga, Menteri Besar juga turut membuat lawatan ke Kebun Kita (Kebun Bandar).





PAPAN IKLAN



DIGITAL MDTM

TANJONG MALIM

MDTM
DIGITAL
ADVERTISEMENT

05-4563438

**Led Skrin
& eBunting**
(VIDEO & IMEJ)

HIGH DEFINITION (HD)



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SEMARAK PELANCONGAN DAN KELESTARIAN EKOPELANCONGAN SEMPENA LAWATAN MENTERI BESAR BERSAMA RAKYAT (MESRA) KE DAERAH MUALLIM OLEH YB NOLEE ASHILIN BINTI MOHAMMED RADZI, PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN PELANCONGAN NEGERI PERAK

7 April 2021, Rabu - Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Nolee Ashilin binti Mohammed Radzi, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak. Turut hadir bersama Cik Nurmalis binti Musa, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Perak dan Encik Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha Majlis Daerah Tanjung Malim. Program yang dilaksanakan di Akademi Risda Estates telah dihadiri seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada pengusaha produk pelancongan daerah Muallim.



PELANCARAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PENYERAHAN TONG SAMPAH BAGI LUAR KAWASAN OPERASI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

8 April 2021, Khamis - Majlis Daerah Tanjung Malim telah mengadakan Pelancaran Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Penyerahan Tong Sampah bagi Luar Kawasan Operasi Majlis Daerah Tanjung Malim bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Balun. Pelancaran dirasmikan oleh YB Dato' Nolee Ashilin binti Mohammed Radzi, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak. Turut hadir, Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha Majlis Daerah Tanjung Malim, Penghulu Isa bin Abd Hamid, Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Muallim. 6 wakil Ketua Kampung bagi luar kawasan operasi MDTM juga hadir bagi menerima perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan penyerahan tong sampah tersebut. Pelancaran ini secara langsung memberi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal Majlis Daerah Tanjung Malim kepada penduduk 6 kawasan luar operasi MDTM. Diharap dengan pelancaran ini MDTM bersama penduduk kawasan dapat berkerjasama bagi menguruskan sisa pepejal di kawasan tersebut.



HARI PERSARAAN KETUA PEMBANTU TADBIR ENCIK MOHD THARMIZI

9 April 2021, Jumaat - Majlis Persaraan Ketua Pembantu Tadbir Encik Mohd Tharmizi bin Mohamed Som telah berlangsung di Auditorium MDTM. Majlis ini diadakan bagi menghargai perkhidmatan beliau di MDTM. Pihak MDTM mengucapkan 'Selamat Bersara' dan merakamkan ucapan terima kasih di atas jasa, dedikasi melaksanakan amanah kerja dan komitmen yang diberikan sepanjang bertugas. Moga diberi anugerah kesihatan, keselamatan, kebahagiaan dan kejayaan kepada Encik Mohd Tharmizi bin Mohamed Som.



LATIHAN FIRE DRILL BLOK B

9 April 2021, Jumaat – Jawatankuasa Emergency Response Team (ERT), Jawatankuasa Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dengan kerjasama Unit Latihan, JKKP telah mengadakan Latihan Fire Drill bagi kakitangan Blok B, MDTM. Latihan tersebut dimulakan pada jam 8.30 pagi apabila loceng kecemasan dibunyikan. Latihan ini diadakan bagi memastikan setiap kakitangan sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan yang berlaku di kawasan sekitar tempat kerja. Semua kakitangan MDTM yang bertugas di Blok B telah memberikan komitmen yang sangat baik apabila berjaya mengosongkan bangunan Blok B dalam masa 3 minit 15 saat sahaja. Taklimat ringkas berkenaan latihan ini juga telah disampaikan oleh Puan Raja Jasmin Suhana binti Zainal Abidin, wakil urusetia JKKP.



KURSUS PENGGUNAAN SISTEM e-HADIR KEPADA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

20 April 2021, Selasa - Kursus yang dilaksanakan di Terminal Sejahtera Slim River telah dihadiri seramai 60 orang kakitangan Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM). Kursus ini bertujuan bagi mempelajari Modul Cuti yang telah ditambahbaik di dalam Sistem Pengurusan e-Hadir.



BICARA REKREASI : FIT RAMADAN

21 April 2021, Rabu – Bersempena bulan Ramadan 1442H, Bahagian Teknologi Maklumat, Pelancongan & Rekreasi (BTMPR) telah menganjurkan Program Bicara Rekreasi : Fit Ramadhan. Program ini telah diadakan di Auditorium Sri Tanjung, MDTM bermula jam 10.00 pagi hingga 12 tengahari. Program ini menampilkan Encik Firdaus, Founder Absolute Wellness yang merupakan sebahagian daripada rakan strategik bagi sektor pelancongan di daerah Muallim. Antara perkongsian yang disampaikan adalah berkenaan tips pemakanan sahur & berbuka sihat, ubah gaya hidup sihat di bulan Ramadan dan teknik senaman yang bersesuaian. Selain itu, program ini selari dengan objektif yang disampaikan bagi memberi pendedahan mengenai cara pemakanan yang terbaik kepada seluruh kakitangan MDTM. Moga melalui program Bicara Rekreasi ini dapat memberi pengetahuan dan tips-tips yang berguna serta membongkar mitos-mitos pemakanan yang tidak sepatutnya.



PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK) BAGI PENERIMAAN SUNITIKAN DOS KEDUA VAKSIN COVID COMIRNATY

26 April 2021, Isnin - Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi penerimaan suntikan dos kedua vaksin Covid-19 Comirnaty kepada sebahagian kakitangan barisan hadapan MDTM serta Ahli Majlis MDTM bertempat di Dewan SITC, UPSI. Turut hadir, Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM, Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM dan Clr. Tuan Haji Fuad bin Haji Abdul Halim, Ketua Whip MDTM. Penerimaan vaksin ini diterima secara berperingkat bermula dari petugas barisan hadapan sebagai usaha Kerajaan melawan penularan Covid-19. Diharap rakyat Malaysia bersiap sedia dan tampil untuk menerima vaksin Covid supaya kita semua dapat mengawal serta menghapuskan penularan wabak ini.



MAJLIS IFTAR RAMADHAN DAN SOLAT TARAWIH MDTM DI PONDOK MUALLIM

27 April 2021, Selasa - Majlis Iftar Ramadhan dan Solat Tarawih MDTM bersama warga Pondok Muallim telah diadakan di Pondok Muallim. Turut hadir, Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM dan Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM. Dalam majlis ini juga diadakan pemberian cenderahati MDTM sebagai tanda penghargaan kepada Ustaz Haji Mohd Tarmizi bin Abd Rahman, Pengetua Pondok Muallim. Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM dalam ucapan beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Pondok Muallim di atas jemputan dan kerjasama yang terjalin selama ini. Disamping itu, warga MDTM berharap agar hubungan ukhuwah diantara pihak MDTM bersama warga Pondok Muallim terus terjalin dengan baik bagi membangunkan kawasan Muallim kearah maju dan jaya.





PBTPay

KINI BUAT SEMAKAN & PEMBAYARAN
DI PBT LEBIH MUDAH

01

DAFTAR

Daftar sebagai pengguna PBTPay menggunakan MyKad. Ianya percuma.

02

PILIH

Sistem akan memaparkan semua bil anda secara automatik. Anda boleh memilih satu atau lebih bil untuk membuat bayaran.

03

BAYAR

Kami menyediakan kemudahan pembayaran menggunakan FPX.



IMBAS UNTUK DAPATKAN
MANUAL PEMBAYARAN

ATAU LAYARI:
<https://pbtpay.kpkt.gov.my/>

AUDIT ISO

27 April 2021, Selasa - Encik Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM telah mempengerusikan Mesyuarat Pembukaan Audit ISO 9001:2015 bertempat di Bilik Mesyuarat Seri Malim, MDTM dan dengan itu secara rasminya Audit Pensijilan Semula Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 bagi MDTM dijalankan. Audit Pensijilan Semula Kali Ke-2 ini telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 27 dan 28 April 2021 oleh 2 Auditor daripada pihak CI Internasional Sdn. Bhd. iaitu Puan Nor Sharifah binti Sulaiman dan Puan Norliza binti Sardek. Proses ini melibatkan 52 prosedur jabatan dan sokongan MDTM. MDTM komited dalam melaksanakan tanggungjawab jabatan berdasarkan prosedur-prosedur standard yang telah ditetapkan.



PROGRAM SUMBANGAN BUBUR LAMBUK MDTM TAHUN 2021

4 Mei 2021, Selasa - Majlis Daerah Tanjung Malim telah mengadakan Program Sumbangan Bubur Lambuk MDTM tahun 2021 bersempena sambutan bulan Ramadan tahun ini. Dalam program ini, Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM bersama Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM bersama-sama menyediakan sebanyak 700 bekas bubur lambuk untuk disumbangkan kepada pihak Barisan Hadapan Sekatan Jalan Raya (SJR) di sempadan Daerah dan Negeri Perak-Selangor. Bubur Lambuk ini turut disumbangkan kepada Orang Awam di Bazar Tanjung Malim dan Bazar Slim River serta kepada kakitangan MDTM. Turut hadir dalam program sumbangan bubur lambuk ini, YB Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon, Timbalan Menteri Pendidikan II. Moga program yang diadakan bersempena sambutan bulan Ramadhan yang mulia ini dapat menjadi asbab perkukuhkan silaraturahim serta kerjasama yang terjalin ini akan diteruskan demi kemajuan Daerah Muallim.



PROGRAM KASIH RAMADHAN MDTM

5 Mei 2021, Rabu - Majlis Daerah Tanjung Malim telah menjalankan Program Kasih Ramadhan MDTM bertujuan membantu masyarakat yang memerlukan bantuan keperluan harian dalam menjalankan ibadah puasa dan menyambut aidilfitri yang akan datang. Bantuan ini disampaikan oleh Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM dan turut dibantu oleh Tuan Haji Fuad bin Haji Abdul Halim, Ketua Whip MDTM bersama Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM. Keceriaan yang jelas terpancar di wajah para penerima bantuan kasih ini apabila menerima kunjungan MDTM bersama sumbangan tersebut. Semoga bantuan yang disampaikan akan memberi kebaikan kepada masyarakat yang memerlukan dalam menjalankan ibadah Ramadhan dan menyambut aidilfitri dengan penuh kegembiraan.



PROGRAM BERBUKA PUASA DAN PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 2 TAHUN 2021 MDTM

6 Mei 2021, Khamis - Majlis Daerah Tanjung Malim telah mengadakan Program Berbuka Puasa dan Perhimpunan Bulanan Bil.2 Tahun 2021. Ucapan disampaikan oleh Tuan Faizal Nizam bin Md Nor, Yang Dipertua MDTM dan Tuan Roslan bin Kamaruzaman, Setiausaha MDTM. Yang Dipertua MDTM menyampaikan Hadiah Hari Lahir kepada 66 kakitangan yang lahir pada bulan Januari hingga April dan penyampaian Duit Raya kepada kakitangan MDTM. Acara diteruskan lagi dengan bacaan tahlil dan doa selamat yang dipimpin oleh Encik Amir bin Ahmad Penolong Pegawai Senibina MDTM. Majlis diakhiri dengan jamuan berbuka puasa dan solat Maghrib berjemaah.





**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
PETI SURAT 59,
BANDAR BEHRANG 2020,
35900 TANJONG MALIM.**

LAMAN WEB RASMI : <https://www.mdtm.gov.my/>

TALIAN AM : 05-4563410 / 20

E-MEL : mdtmalim@mdtm.gov.my

MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM MENGALU-ALUKAN SEBARANG SUMBANGAN BERUPA BERITA / RENCANA/ LAPORAN/ PENDAPAT ATAU ULASAN UNTUK DISIARKAN. SEBARANG PENERBITAN SEMULA DI DALAM APA JUA REKABENTUK TIDAK DIBENARKAN KECUALI DENGAN KEBENARAN BERTULIS DARIPADA MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.